
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

IMG 222 – Mikrobiologi Makanan II
[Food Microbiologi II]

Masa: 3 jam
[Duration: 3 hours]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Semua soalan boleh dijawab dalam Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris.

[Please check that the examination paper consists of NINE pages of printed material before you begin this examination.]

Answer FOUR questions.. All questions can be answered either in Bahasa Malaysia OR English.]

Bahagian B: Jawab 1 daripada 2 soalan. Setiap soalan membawa 25 markah.

6. Jawab semua bahagian soalan ini

- (a) Sampel-sampel makanan A, B, C dan D (25 g masing-masing) diuji di dalam Makmal Kawalan Mutu Makanan untuk hitungan plat aerob. Hitungan dan pencairan adalah seperti berikut. Piring Petri piawai (59 cm^2) telah digunakan. Kira dan laporkan hitungan plat untuk sampel-sampel tersebut.

(12 markah)

| Sampel | Pencairan | Bilangan koloni | APC |
|--------|-----------|-----------------|-----|
| A | 10^{-2} | 100, 120 | |
| | 10^{-3} | 11, 13 | |
| B | 10^{-1} | TNTC, TNTC | |
| | 10^{-2} | 700, 750 | |
| C | 10^{-2} | 13, 18 | |
| | 10^{-3} | 2, 5 | |
| D | 10^{-2} | 0, 0 | |
| | 10^{-3} | 0, 0 | |

- (b) Untuk mendapat pencairan 10^{-1} , 50 g makanan disebarluaskan ke dalam 450 ml pencair. Sekiranya hanya 11 g didapati, apakah isi padu pencair yang diperlukan untuk mendapat pencairan 10^{-1} ?

(3 markah)

- (c) Satu sampel tepung gandum telah dianalisa untuk hitungan plat aerob. Sampel-sampel yang telah dicairkan bersiri telah i) diplat terus dan ii) diplatkan selepas diletak di dalam kukus air 80°C selama 15 minit. Hitungan didapati adalah seperti berikut:

| Diplatkan terus | | Diplatkan selepas pemanasan | |
|-----------------|---------------|-----------------------------|-------------|
| Pencairan | Koloni/plat | Pencairan | Koloni/plat |
| 10^{-2} | 120, 130, 125 | 10^{-1} | 18, 21, 16 |
| 10^{-3} | 11, 14, 15 | 10^{-2} | 2, 1, 2 |

- (i) Kirakan hitungan plat aerob untuk kedua-dua set eksperimen
(ii) Terangkan signifikan keputusan yang didapati.

(10 markah)